



01 FEB, 2023

Kerjasama bekal elektrik lonjak saham YTL Power

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kerjasama bekal elektrik lonjak saham YTL Power

Saham YTL Power International Bhd naik 1.5 sen kepada 74.5 sen selepas mengumumkan kerjasama dengan unit Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk membekalkan 100 megawatt (MW) elektrik dari Malaysia ke Singapura melalui penyambung yang baru dinaik taraf.

YTL PowerSeraya Pte Ltd, anak syarikat milik penuh YTL Power International Bhd dan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), anak syarikat milik penuh TNB, pada Isnin mengumumkan perjanjian pembekalan tenaga elektrik 100 megawatt (MW) dari Malaysia ke Singapura menerusi penyambung tara baharu yang dipertingkat.

Dalam kenyataannya, YTL PowerSeraya berkata, ia dianugerah lesen pengimport elektrik bagi Malaysia untuk tempoh percubaan selama dua tahun oleh Pihak Berkuasa Pasaran Tenaga Singapura (EMA) selepas permintaan proses cadangan yang kompetitif pada Oktober 2021.

Tenaga elektrik itu akan dibeli daripada TNB Pasir Gudang Energy Sdn Bhd, sebuah syarikat bertujuan khas milik penuh TNB Genco.

"Kedua-dua pihak akan bekerjasama erat dengan EMA dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia bagi memperhalusi semua pengaturturan kawal selia dan penetapan teknikal di bawah Rangka Kerja

Import Elektrik.

"Perjanjian itu akan berkuat kuasa selepas semua syarat berkaitan dipenuhi," kata YTL PowerSeraya.

Kerjasama atas dasar komersial
Pemeteraian itu juga kali pertama buat Malaysia dalam pembekalan tenaga elektrik ke Singapura atas dasar komersial mengikut Panduan Suruhanjaya Tenaga bagi Jualan Elektrik Rentas Sempadan.

Menurut YTL PowerSeraya, kerjasama berkenaan menjadi rasmi pada sesi pertukaran dokumen perjanjian pembelian elektrik rentas sempadan yang disaksikan oleh Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Kedua bagi Perdagangan dan Industri Singapura, Dr Tan See Leng.

Tengku Zafrul berada di republik itu bagi mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dalam lawatan rasmi pertama ke Singapura.

YTL PowerSeraya adalah satu-satunya pihak di Singapura yang mempunyai pengalaman dalam perjanjian perdagangan dan penyelesaian kewangan tenaga rentas sempadan menerusi dagangan merentasi penyambung tara bekal tenaga elektrik ke Malaysia pada 2011 dan 2013.